

Berita Harian - 2/6/16



Pelajar SMKA Durian Guling mengambil bahagian secara aktif.

Ubah tanggapan negatif bahasa Inggeris

Marang: Seramai 50 mahasiswa Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), menjalankan program 'School Attack: Fun With English' di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Durian Guling di sini, baru-baru ini.

Program disertai 130 pelajar Tingkatan Satu itu bertujuan memberi pendedahan mengenai asas

penguasaan bahasa Inggeris, sekali gus mengubah tanggapan negatif mereka terhadap subjek berkenaan.

Pengarah projek, Nur Fatin Nabila Abd Rahman, berkata mereka mengetengahkan konsep bermain sambil belajar melalui beberapa aktiviti menyeronokkan bagi menarik minat peserta.

Antaranya, 'Music Box' berupa permainan membina ayat dalam

kotak misteri, 'Snake and Ladder' (menjawab soalan bahasa Inggeris jika berada dalam petak ular) dan 'Spelling Bee' yang menguji kemahiran mengeja.

Cerminkan keprihatinan

"Peserta dibahagikan kepada 20 kumpulan yang secara langsung dapat menggilap kemahiran bekerjasama dalam pasukan.

"Program ini bukan

sahaja membantu meningkatkan penguasaan tetapi juga memberi motivasi untuk peserta lebih yakin berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dalam khalayak ramai," katanya.

Nur Fatin Nabila berkata, inisiatif itu turut mencerminkan keprihatinan mahasiswa UniSZA terhadap aspek kebajikan masyarakat, terutama dalam bidang pendidikan.